

SIARAN MEDIA

CYBERSECURITY MALAYSIA ANJUR PERTANDINGAN WACANA KESELAMATAN ICT, SASAR LAHIRKAN WARGANEGARA DIGITAL YANG BERTANGGUNGJAWAB

CYBERJAYA, 7 DISEMBER 2021 – CyberSecurity Malaysia agensi pakar keselamatan siber kebangsaan di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) menggesa lebih banyak sekolah menengah di seluruh negara menyertai Wacana Keselamatan ICT sebagai salah satu inisiatif utama dalam meningkatkan kesedaran tentang keselamatan siber serta menyemai kewarganegaraan digital yang bertanggungjawab dalam kalangan generasi muda Keluarga Malaysia.

Pertandingan Wacana Keselamatan ICT Kebangsaan – Piala Cabaran CyberSAFE™ (*National ICT Security Discourse - NICTSeD*) merupakan wacana keselamatan ICT berasaskan Bahasa Inggeris yang dianjurkan setiap tahun oleh CyberSecurity Malaysia dengan kerjasama Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) dan terbuka kepada semua murid sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Pada tahun ini, pertandingan dilaksanakan secara dalam talian berdasarkan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan berikutan penularan pandemik COVID-19. Berdasarkan konsep baharu, NICTSeD 2021 dikenali sebagai Pertandingan Wacana Keselamatan ICT Kebangsaan – Piala Cabaran CyberSAFE™ 2021 (Wacana Maya). Pertandingan ini telah menerima penyertaan dari 75 buah sekolah menengah di seluruh negara dan telah melalui tiga peringkat saringan iaitu Octo-Final pada 6 hingga 8 Oktober 2021, Suku Akhir (27 Oktober 2021) dan Separuh Akhir (29 Oktober 2021).

Peringkat akhir NICTSeD hari ini menyaksikan tiga sekolah iaitu SMK Sultan Abu Bakar dan SMK Alor Akar dari Negeri Pahang, dan Kolej Tunku Kurshiah dari Negeri Sembilan berentap merebut gelaran juara NICTSeD dengan tajuk pertandingan '**Digital Citizenship in action: Assess the influence of dark technology in contemporary society. An ethical evaluation**'.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Datuk Zahidi Zainul Abidin ketika berucap dalam majlis perasmian dan penyampaian hadiah menasihati para finalis yang merupakan warga digital hari ini supaya sentiasa berwaspada ketika melayari Internet kerana teknologi dan Internet diibaratkan sebagai serampang dua mata.

Ia membuka lembaran baharu dan peluang yang luar biasa untuk generasi muda. Saling berhubung bukan sahaja memperkayakan kehidupan mereka, malah turut meningkatkan prospek serta peluasan ilmu pengetahuan. Justeru adalah perlu warga digital hari ini memiliki ilmu pengetahuan mengenai ancaman siber agar tidak menjadi mangsa buli siber, kecurian identiti, penipuan, pornografi serta penyalahgunaan Internet yang mewujudkan risiko besar.

Selain itu, Datuk Zahidi juga menambah kemajuan teknologi mempunyai sisi gelap dan memberi kesan kepada sesuatu keputusan serta mengancam nyawa manusia kerana boleh mendorong cara individu berfikir dan bertindak. Malah, ia boleh membahayakan privasi dan keselamatan pengguna.

Justeru, adalah menjadi suatu keperluan untuk menyokong etika siber dan memberi inspirasi kepada generasi muda agar menggunakan Internet secara positif selain memastikan generasi akan datang menjadi warga yang bukan sahaja celik siber tetapi juga bertanggungjawab, tambahannya lagi.

NICTSeD Edisi ke-8 yang ditaja oleh Tech Capacity Sdn. Bhd., Syntx Sdn. Bhd. Dan DiGi Telecommunications telah menobatkan SMK Sultan Abu Bakar, Pahang sebagai juara keseluruhan selepas berjaya meyakinkan barisan panel yang terdiri daripada pakar keselamatan siber (Industri), guru dan wakil CyberSecurity Malaysia.

Juara NICTSeD 2021 membawa pulang piala pusingan CyberSAFE™, piala YB Menteri Komunikasi dan Multimedia dan wang tunai berjumlah RM5,000.00. Manakala tempat kedua, Kolej Tunku Kurshiah Negeri Sembilan menerima piala YB Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, hadiah wang tunai berjumlah RM3,000.00 dan tempat ketiga, SMK Alor Akar Pahang membawa pulang Piala Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia serta RM1,000.00. Ke semua pemenang turut menerima plak dan sijil penyertaan.

Penglibatan dalam Pertandingan NICTSeD secara tidak langsung dapat membantu para pelajar meningkatkan lagi kemahiran komunikasi dan penyelidikan yang penting bagi mempersiapkan diri mereka apabila menyambung pengajian di peringkat universiti.

~ Tamat ~

Dikeluarkan oleh Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia.
Untuk maklumat lanjut, hubungi media@cybersecurity.my atau +603-8800 7999
Mohd Shamil Mohd Yusoff (samb: 7237) / Zul Akmal Abdul Manan (samb: 7242)